

NO SOALAN :508

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) berapakah sasaran bilangan penumpang dan jumlah kargo yang diangkut setiap tahun oleh projek Landasan Kereta Api Timur (ECRL); dan
- (b) berapakah anggaran hasil dan keuntungan setiap tahun bagi projek ini dan berapakah lamanya tempoh bayaran balik pinjaman dan berapakah ansuran bayaran balik tahunan untuk prinsipal dan faedah pinjaman berkenaan .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan keretapi ECRL melibatkan nisbah 30% koc penumpang dan 70% pengangkutan kargo. Oleh itu, berdasarkan nisbah tersebut, unjuran bilangan trip penumpang bagi tahun 2035 untuk sektor dari Selangor ke Kelantan adalah 6.6 juta setahun, manakala unjuran jumlah kargo untuk tahun dan sektor yang sama pula adalah 41.7 juta tan.

Pihak Kerajaan melihat projek ECRL sebagai satu pelaburan jangka panjang yang akan mendatangkan hasil dan keuntungan yang besar dari segi Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK), terutama bagi Wilayah Pantai Timur. Projek mega ini berpotensi meningkatkan KDNK Wilayah Pantai Timur sebanyak 1.5%. Kesan limpahan ekonomi (*spillover effect*) daripada projek ini akan meningkatkan taraf kehidupan penduduk Pantai Timur di sepanjang jajaran ECRL.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Kos pembinaan ECRL sebanyak RM55 bilion dibiayai melalui 85% *Soft Loan* (Pinjaman Mudah) daripada China EXIM Bank manakala baki 15% pula dibiayai melalui program Sukuk/Bon yang akan diuruskan oleh Institusi Kewangan Tempatan. Struktur pembiayaan ini dilihat

dapat memberikan penjimatan yang signifikan ke atas kadar bayaran faedah/kupon iaitu 3.25% bagi pinjaman mudah manakala kupon untuk terbitan sukuk pula akan ditentukan berdasarkan pasaran semasa. Kerangka kewangan menerusi pinjaman mudah dan kadar faedah yang rendah bagi tempoh 20 tahun serta *grace period* sepanjang tujuh tahun pertama ini memberikan kelebihan buat negara.